

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NASIONAL

## Pusat Kawalan Penyakit Negara dijangka siap Julai 2026

**Kuala Lumpur:** Pusat Kawalan Penyakit Negara (NCDC) di Bandar Enstek, Negeri Sembilan, yang bakal meningkatkan kesiapsiagaan Malaysia dalam menghadapi krisis kesihatan global, termasuk penghasilan vaksin.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni, berkata pembinaan pusat itu kini mencapai 45 peratus kemajuan dan dijangka siap sepenuhnya, pada Julai 2026.

Beliau berkata, berdasarkan penemuan ketika pandemik COVID-19, NCDC akan menjadi Makmal Rujukan dan Diagnostik Khas yang akan memperkukuh negara dalam pengurusan wabak penyakit.

"Pembinaan NCDC ini juga mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam penghasilan vaksin sendiri, sekali gus memberi kemudahan terbaik kepada saintis tempatan untuk melakukan kajian penyakit secara lebih mendalam," katanya selepas Majlis Sambutan Jubli Perak ke-25 Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan di sini semalam.

Beliau berkata, NCDC dibina di kawasan seluas lapan hektar bermula Oktober 2021 itu akan dilengkapi dua blok utama, iaitu pusat kawalan penyakit dan Makmal Rujukan Kesihatan Awam.

Sambutan Jubli Perak MKAK menandakan kejayaan 25 tahun penubuhan institusi itu dalam menjaga keselamatan awam, termasuk pencapaian tertinggi sebagai makmal pertama di Malaysia yang mengenal pasti virus COVID-19 dengan menggunakan mikroskop elektron dan virus cacar monyet atau MPox melalui kaedah PCR masa nyata.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NASIONAL

## Nasional

Rabu, 9 Oktober 2024 **BH**

# KKM, KPM diarah teliti masalah malpemakanan

**Pengambilan zat makanan tidak seimbang antara punca prevalen bantut, obesiti**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Pendidikan (KPM) meneliti isu berkaitan beban berganda malpemakanan iaitu pengambilan zat pemakanan yang kurang baik dalam kalangan kanak-kanak di negara ini.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil, berkata perkara itu disuarakan Perdana Menteri pada mesyuarat Kabinet semalam, sebelum Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Dalam Kalangan Kanak-Kanak diumumkan tidak lama lagi.

"Dalam mesyuarat (Jemaah Menteri), ada disentuh mengenai masalah beban berganda malpemakanan kanak-kanak yang mana isu ini dibincangkan oleh KKM, KPM dan Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Dalam Kalangan Kanak-kanak.

"Hari ini, Jemaah Menteri menerima laporan terkini mengenai usaha-usaha dan pelan strategik tapi ada beberapa perkara diminta oleh Perdana Menteri untuk diteliti sebelum pengumuman pe-

nuh mengenai pelan strategik kebangsaan (dibuat)," katanya dalam sidang media selepas mesyuarat itu semalam.

KKM sebelum ini, mendedahkan prevalen bantut dan obesiti dalam kalangan kanak-kanak dan orang dewasa di negara ini, telah menunjukkan peningkatan.

### Isu terus meningkat

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, dilaporkan berkata, prevalen bantut dalam kalangan kanak-kanak berumur bawah lima tahun telah meningkat daripada 17.7 peratus pada 2015 kepada 21.2 peratus pada 2022.

Katanya, prevalen obesiti dalam kalangan kanak-kanak bawah lima tahun juga telah meningkat daripada empat peratus pada 2015, 5.6 peratus pada 2019 dan 6.0 peratus pada 2022.

Ditanya apa perkara yang diminta Perdana Menteri untuk diteliti berhubung isu terbabit, Fahmi yang juga Menteri Komun-



ikasi, berkata ia membabitkan beberapa ikhtiar.

Katanya, perkara itu bukan sahaja membabitkan rancangan pemakanan, ia termasuk sesi persekolahan untuk diteliti dengan lebih menyeluruh.

"Jadi perkara ini sangat penting yang amat dekat dengan Perdana Menteri dan kita harap menjelang sidang Parlimen kali

ini, kita akan dapat beberapa perkembangan positif khusus berkait menguruskan isu masalah malpemakanan dalam kalangan kanak-kanak.

"Ini bukan sekadar makanan sarapan sebagai contoh, tetapi kita juga ada membincangkan beberapa perkara juga dan (semua) ini dalam perkiraan KKM dan KPM," katanya.

## Mesyuarat Kabinet tak bincang isu arah henti siasat Farhash

**Putrajaya:** Mesyuarat Kabinet semalam tidak membincangkan sebarang isu mengenai laporan portal berita antarabangsa yang mendakwa Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengarahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tidak menyiasat bekas Setiausaha Politikinya, Datuk Farhash Wafa Salvador.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil, berkata mesyuarat yang dipengerusikan Perdana Menteri juga tidak dimaklumkan apa bentuk tindakan yang mungkin diambil ke atas portal berita terbabit.

"(Isu itu) tidak dibincangkan, setakat ini mesyuarat tidak dimaklumkan apa tindakan yang akan diambil," katanya, semalam.

Bulan lalu, portal terbabit menyiarkan laporan memetik tiga sumber tidak dinamakan, mendakwa Anwar mengarahkan SPRM untuk tidak menyiasat pembelian saham sebuah syarikat oleh bekas setiausaha politikinya.

Dalam pada itu, Fahmi yang juga Menteri Komunikasi, berkata media mempunyai hak untuk melaporkan, melindungi dan menjaga kerahsiaan sumber mereka.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 13  
RUANGAN : MINDA PEMBACA

## Kekurangan doktor pakar perlu ditangani segera

Dr Shahrul  
Azman Abd  
Razak,  
Perunding  
Kewangan Islam

**Kekurangan** doktor pakar terutama dalam bidang kritikal seperti onkologi dan kardiologi sangat membimbangkan di sebalik sasaran negara melahirkan 400 pakar onkologi menjelang 2040. Bagaimanapun, dengan jumlah pesakit kanser dijangka meningkat dua kali ganda dalam tempoh sama, ia mungkin tidak mencukupi. Kementerian Kesihatan (KKM) melaporkan pesakit kanser meningkat lebih 50 peratus dari 2012 hingga 2022, manakala kadar kematian pula naik 56.5 peratus.

Nisbah doktor pakar onkologi kepada rakyat Malaysia hanya 3.4 doktor pakar untuk setiap sejuta penduduk. Keadaan ini diburukkan lagi dengan 65.1 peratus kes kanser didiagnosis pada peringkat lewat, menjadikan rawatan mencabar dan mahal.


Bagaimanapun, sistem latihan sedia ada memerlukan doktor menunggu tiga hingga empat tahun selepas berkhidmat sebagai pegawai perubatan sebelum melanjutkan pengajian bidang kepakaran.

Ini melambatkan proses melahirkan doktor pakar hingga ramai hilang momentum setelah lama bekerja dalam bidang am.

Justeru, doktor wajar dibenar memulakan pengkhususan lebih awal, sejurus tamat latihan *housemanship* hingga tidak perlu menunggu lama, sebaliknya boleh memfokuskan khusus dipilih.

Pada awal 2000-an, Malaysia berjaya menangani kekurangan doktor perubatan dengan meliberalisasikan tempat pengajian perubatan. Pelajar dihantar ke negara seperti Indonesia, Mesir, Republik Czech, Ukraine dan Russia, meningkatkan jumlah doktor dalam tempoh singkat. Pendekatan serupa diperlukan bagi melahirkan lebih ramai doktor pakar.

Pertama, kita perlu meliberalisasikan sistem latihan kepakaran termasuk membuka lebih banyak pusat latihan di hospital kerajaan dan swasta. Ker-



jasama hospital swasta boleh mempercepatkan proses latihan, sekali gus menyediakan banyak peluang kepada doktor muda menjalani latihan kepakaran.

Insentif boleh diberikan kepada hospital swasta seperti pengecualian cukai, subsidi latihan atau program pembiayaan khas hingga dapat memastikan lebih ramai doktor cepat dilatih, terutama dalam bidang kritikal.

### Pastikan standard latihan tinggi

Kedua, Majlis Perubatan Malaysia (MMC) perlu memastikan standard tinggi dalam latihan kepakaran dan amalan perubatan. Sebagai badan berfungsi mengawal selia dan mengiktiraf kelayakan pakar di negara ini, peranan MMC adalah penting bagi memastikan latihan dijalankan adalah setaraf dengan standard antarabangsa.

Memang sebarang perubahan struktur latihan pakar perlu mendapat pengesahan MMC, tetapi badan itu perlu lebih fleksibel dalam memberi peng-

iktirafan kepada pusat latihan baharu sama ada dalam negara atau luar negara.

MMC boleh memperluas kerjasama dengan institusi antarabangsa bagi mempercepatkan kelulusan program pertukaran doktor ingin menjalani latihan kepakaran di luar negara.

Sistem penilaian bagi melahirkan doktor pakar juga memerlukan pembaharuan. Penilaian berasaskan peperiksaan akhir harus digantikan kepada berasaskan kompetensi dengan doktor dinilai sepanjang latihan. Pendekatan ini akan mengurangkan tekanan peperiksaan akhir kerap kali menghalang doktor mencapai potensi penuh.

Polisi lebih fleksibel perlu diperkenalkan bagi membolehkan doktor muda memilih pengkhususan lebih awal. Pada masa ini, ramai doktor hanya mula menimbang kepakaran selepas beberapa tahun berkhidmat sebagai pegawai perubatan.

Ketiga, Malaysia memerlukan pelan induk komprehensif merangkumi peningkatan bilangan tempat latihan kepakaran di hospital kerajaan dan swasta, kerjasama antarabangsa untuk mempercepat latihan luar negara, polisi latihan fleksibel membenarkan doktor memilih pengkhususan awal dalam kerjaya serta biasiswa dan geran khas.

Pelan ini perlu diintegrasikan dengan rancangan jangka panjang untuk memastikan keperluan tenaga pakar dapat dipenuhi tanpa perlu menunggu sehingga 2040.

Realitinya, usaha meliberalisasikan kelulusan kepakaran doktor perubatan tidak boleh ditangguhkan lagi kerana sistem sedia ada terlalu perlahan dan tidak mampu menampung permintaan semasa.

Dengan reformasi dan peranan proaktif MMC, Malaysia dapat melahirkan lebih ramai doktor pakar dengan cepat, memastikan rakyat menerima rawatan berkualiti dan tepat pada masanya.

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

4 **Negara!**

Kosmo/ RABU 9 OKTOBER 2024

## KKM, KPM diminta teliti isu malpemakanan kanak-kanak

**PUTRAJAYA** – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Pendidikan (KPM) untuk meneliti berhubung isu beban berganda malpemakanan melibatkan kanak-kanak di negara ini.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan,

Fahmi Fadzil berkata, perkara berkenaan disuarakan oleh Anwar ketika mesyuarat Kabinet yang berlangsung semalam.

Ujarnya, isu berkenaan harus diteliti sebelum satu pelan strategik berkenaan diumumkan tidak lama lagi.

"Mesyuarat ada membincang-

kan perkara ini dan hari ini (semalam) Jemaah Menteri ada menerima laporan terkini mengenai pelan dan strategi.

"Namun ada beberapa perkara yang diminta oleh Perdana Menteri untuk diteliti mengenai pelan strategi kebangsaan malpemakanan kanak-kanak," kata-

nya pada sidang akhbar mingguan di sini semalam.

Jelasnya, sebelum ini terdapat beberapa ikhtiar dilaksana kerajaan termasuk melalui Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bagi memangani isu itu.

"Perbincangan ini adalah (berhubung) sesi persekolahan yang

berbeza maka bukan hanya sekadar satu sesi tetapi kita melihat secara menyeluruh.

"Hal ini dekat dengan Perdana Menteri dan kita harap pada sidang Perlimen kali ini ada perkembangan positif khusus berhubung isu malpemakanan kanak-kanak," ujarnya.

## PBKD lulus daftar produk semula jadi

**PUTRAJAYA** – Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) bersetuju untuk memberikan kelulusan pendaftaran bagi produk semula jadi dengan tuntutan moden (*modern claim*).

Kementerian Kesihatan (KKM) berkata, tuntutan yang dibenarkan untuk produk semula jadi pada awalnya adalah bagi kegunaan tradisional seperti penjagaan kesihatan secara umum atau melegakan gejala ringan berdasarkan maklumat kegunaan produk.

"Pada Jun 2020, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) telah mengeluarkan *Guideline on Natural Products with Therapeutic Claim* bagi membolehkan pihak industri mendaftarkan produk semula jadi untuk tujuan rawatan apabila terdapat bukti kukuh berdasarkan kajian klinikal.

"NPRA juga telah mengeluarkan satu lagi garis panduan bagi mendaftarkan produk semula jadi dengan tuntutan moden iaitu *Guideline on Natural Products with Modern Claim* pada 4 April 2024.

"Ia bagi terus mendukung kemajuan industri herba negara serta memenuhi aspirasi pihak berkepentingan mendaftarkan produk semula jadi dengan tuntutan lebih spesifik daripada kegunaan secara tradisional meskipun belum cukup bukti untuk digunakan bagi rawatan sesuatu penyakit," katanya dalam kenyataan semalam.

Jelasnya, tuntutan moden adalah tuntutan yang dibuat

berdasarkan bukti saintifik untuk meningkatkan kesihatan, mengurangkan risiko penyakit atau membantu merawat simptom penyakit yang boleh sembuh secara sendirinya dalam jangka masa tertentu.

"Bukti saintifik untuk menyokong tuntutan ini perlu menunjukkan hubungan kait antara formulasi produk dan kesan terhadap kesihatan.

"Dalam mesyuarat PBKD kali ini, laporan penuh penilaian produk telah dibentangkan dan mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan pendaftaran produk semula jadi Nova Hepar-P Capsule dengan indikasi menyokong kesihatan hati," katanya.

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk adalah Nova Laboratories Sdn. Bhd.

Produk ini mengandungi bahan aktif ekstrak dukung anak dan indikasi ini telah dibenarkan berdasarkan data kajian klinikal tempatan.

Berdasarkan kajian toksisiti yang dijalankan ke atas bahan aktif tersebut serta sejarah penggunaan produk ini selama lebih 20 tahun, produk ini juga dilaporkan selamat untuk digunakan.

KKM berkata, bagi memudahkan orang ramai mengenali produk semula jadi dengan tuntutan moden, nombor pendaftaran MAL produk-produk tersebut diakhiri dengan huruf M di mana contohnya MAL12345678M.

"Ia berbeza dengan produk tuntutan tradisional yang mempunyai huruf T," katanya.



**PRODUK** semula jadi bagi kegunaan tradisional seperti penjagaan kesihatan atau melegakan gejala ringan kini dibenarkan.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 11  
RUANGAN : NASIONAL



AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 17  
RUANGAN : CETUSAN

TELUS &amp; TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELUS & TULUS  
**Sinar**  
Harian

**CETUSAN** 17  
RABU 9 OKTOBER 2024 • SINAR HARIAN

# Asap yang satu itu



KISAH  
SEMINGGU

DR BUDIMAN MOHD ZOHDİ

**A**sap ada gunanya. Ia cukup berkesan untuk menghalau nyamuk. Pencari-pencari madu tua yang lazimnya menggunakan asap untuk mengusir lebah dari sarangnya. Bagi dukun dan bomoh pula kemenyan yang diperasapkan menjadi medium untuk memanggil atau berkomunikasi dengan jin dan suksakatnya.

Kesan buruk asap lebih ketara apabila ia memenuhi otak. Itulah sebabnya kita selalu melihat orang tetap merokok walaupun di tepinya terdapat tanda 'Dilarang Merokok'. Mereka bukan tidak nampak tanda itu. Tetapi asap rokok yang memenuhi tempurung kepala sejak sekian lama menyebabkan otak mereka tidak dapat memproses maksud larangan tersebut.

Saya pernah menjadi perokok. Pernah merasa betapa jantannya saya apabila rokok tercepit di bibir. Pernah merasa pengalaman meredah hujan ribut pada pukul dua pagi mencari kedai tujuh sebelas untuk membeli rokok setelah berlaku kehabisan di luar jangkaan akibat ditumpang oleh kawan-kawan.

"Terdapat lebih kurang 600 bahan dalam rokok. Apabila dibakar, rokok menghasilkan lebih daripada 7,000 bahan kimia.

"Asap rokok mengandungi karbon monoksida, yang menghalang darah daripada membawa oksigen secukupnya ke seluruh tubuh. Ini meningkatkan tekanan pada jantung, yang membawa kepada risiko serangan jantung, strok, dan masalah kardiovaskular lain.

"Lebih parah lagi, asap rokok juga mengandungi bahan kimia seperti formaldehid, sianida, dan arsenik, yang semuanya berkait dengan pelbagai jenis kanser. Bahaya asap rokok bukan hanya kepada perokok tetapi pada orang di sekelilingnya..."

Demikian penerangan panjang lebih oleh seorang sukarelawan anti-merokok yang menghampiri saya, dan meminta izin untuk duduk ketika saya sedang asyik merokok di sebuah warung kira-kira tiga dekad lepas. Saya mendengar dengan penuh minat, bukanlah kerana tertarik pada penerangan itu, tetapi pada orang yang menerangkannya. Dia cantik. Dan saya sangat jarang tidak suka pada yang cantik-cantik.

Pada masa itu apa yang diterangkannya habis di situ. Masuk telinga kiri, keluar melalui telinga kanan, hidung, mulut, liang-liang roma dan sebagainya.

Begitulah perangai perokok. Saya faham psikologinya. Selain asap yang telah mengaburi otak, nikotin yang meresap ke dalam darah menyebabkan me-

reka melihat peringatan terhadap bahaya merokok samalah macam orang perempuan mendengar peringatan tentang keburukan membawang.

Mulai 1 Disember 2008 kerajaan menguatkuasakan peraturan mewajibkan gambar-gambar penyakit kronik di bahagian hadapan kotak rokok dengan permulaannya enam gambar digunakan secara bergilir-gilir. Perkara yang sama dipraktikkan di negara-negara lain di seluruh dunia, ada yang lebih awal dan ada yang selepas negara kita.

Tetapi setakat mana keberkesannya? Berapa ramai perokok yang berhenti daripada tabiatnya disebabkan oleh gambar-gambar itu? Saya tidak tahu, tetapi saya cukup tahu bahawa ada antara kawan-kawan saya yang menjadikannya bahan lawak.

Secara peribadi saya berpandangan letaklah gambar keranda, kubur, batu nesan atau apa sahaja, ia tidak akan memberi bekas kepada perokok-perokok tegar. Kebanyakan mereka bukan tidak tahu bahayanya.

"Setiap tahun, lebih daripada 8 juta orang mati akibat merokok di seluruh dunia..." kata saya kepada seorang kawan, sang perokok tegar, baru-baru ini.

"Ya, bos... memang betul. Daripada jumlah itu 7 juta adalah kesan langsung daripada penggunaan tembakau, manakala 1.3 juta akibat terdedah pada asap rokok sekunder," dia memintas sebelum saya habis bercakap. Saya terhenti di situ. Hilang semangat. Tetapi me-

ngenangkan saya sendiri dahulu pernah merokok, maka saya malas hendak membebel panjang. Tukar topik. Beralih kepada mengapa rumah tangga artis cantik-cantik sekarang ini banyak berantakan, dan perbuahan pun menjadi lebih lancar.

Mulai 1 Januari 2020 kerajaan menguatkuasakan larangan merokok di kawasan tertentu, terutama –tempat-tempat awam di mana pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun. Maaf, saya tidak tahu berapa ramai orang yang telah diheret ke mahkamah atas kesalahan itu, tetapi saya tahu bahawa saya sentiasa melihat orang terus merokok di medan selera dan kedai makan.

Mengharapkan perokok berhenti sendiri samalah macam meminta orang yang sedang makan tujuh bungkus nasi lemak berdiet. Saya sendiri, kalau bukan kerana jemu membeli ubat batuk, mungkin masih terus merokok. Dan kalau terus merokok masih ada lagikah saya sekarang?

"Atuk saya berumur 76 tahun, perokok tegar, masih sihat sampai sekarang. Baru dua bulan lepas berkahwin baru ibu tunggal... beza umur 35 tahun... sama dengan umur Fazura," kata seseorang. Sesungguhnya propaganda ada di mana-mana...#dush!

\* Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi pernah berkhidmat sebagai setiausaha politik dan bekas wakil rakyat

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
 MUKA SURAT : 1  
 RUANGAN : MUKA HADAPAN



Kelas kabin  
selesai isu  
murid padat  
SK Cyberjaya  
»21 & 22



PEMIKIRAN BAHARU  
**Utusan Malaysia**  
 85  
 1939-2024  
 Meneruskan  
 legasi kewartawanan

Ganti peralatan usang, pastikan selamat digunakan untuk keperluan pesakit

# HKL perlu RM100 juta

Oleh **HAFIZ SAIDINA**  
 utusannews@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Hospital Kuala Lumpur (HKL) yang dibina sejak 1870-an, memerlukan hampir RM100 juta bagi menggantikan peralatan perubatan yang telah tamat tempoh atau usang.

Pengarah HKL, Datuk Dr. Harikrishna K. R. Nair berkata, ini bagi memastikan kelengkapan dan peralatan perubatan berada dalam keadaan baik, sempurna serta selamat digunakan bagi memenuhi keperluan pesakit demi penjagaan kesihatan yang lebih baik.

Menurut beliau, sebagai

sebuah hospital utama di negara ini, HKL perlu melakukan pemantauan kualiti peralatan perubatan secara berkala supaya ia tidak menjejaskan keberkesanan proses rawatan.

"Anggaran kos bagi mengganti peralatan perubatan yang telah luput tempoh penggunaannya adalah mencecah sehingga

RM100 juta.

"Peralatan perubatan yang telah luput tempoh dan boleh dilupus akan dicatat untuk permohonan penggantian peralatan perubatan baharu berdasarkan Tatacara Pengurusan dan Perolehan Aset Kerajaan," kepada *Utusan Malaysia*.

Antara peralatan perubatan

yang sudah boleh dilupuskan adalah sistem pembedahan robotik, *ripple mattress*, pam penyedut (*aspirator*), pam volumetric, mesin ECG, *spot vital sign (NIBP)*, *syringe infusion pump*, *infusion pump*, *defibrillator*, dan *blood gas analyzer*.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia  
RABU • 9 OKTOBER 2024

2

## HKL perlu RM100 juta

Dari muka 1

Setiap alatan tersebut memainkan peranan penting dalam rawatan pesakit di hospital seperti sistem pembedahan robotik, membantu pakar bedah menjalankan pembedahan dengan lebih tepat manakala Ripple Mattress digunakan untuk mencegah luka tekanan bagi pesakit yang terlintar lama.

Suction Pump pula penting untuk menyedut cecair yang menyumbat saluran pernafasan pesakit dan Volumetric Pump serta Infusion Pump digunakan untuk mengawal pemberian ubat secara intravena dengan tepat.

ECG Machine digunakan bagi mengesan aktiviti elektrik jantung manakala Spot Vital Sign memantau tanda vital seperti tekanan darah.

Defibrillator pula menyelamatkan nyawa dengan memulihkan degupan jantung dan Blood Gas Analyzer menilai keseimbangan gas serta asid-basa dalam tubuh pesakit.

Kesemua peralatan tersebut sering digunakan di unit-unit kritikal seperti Unit Rawatan Rapi (ICU), bilik kecemasan dan bilik pembedahan bagi memastikan rawatan terbaik kepada pesakit.

*Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan, Kementerian Kesihatan menganggarkan kerja menaik taraf wad yang dilengkapi sistem pendingin hawa di Hospital Kuala Lumpur (HKL) menelan belanja kira-kira RM200 juta dan dijadual dimulakan tahun depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kerja menaik taraf tersebut untuk memberi keselesaan kepada pesakit dan juga petugas di hospital yang dibina sejak 1870-an dan menjadi rujukan utama rakyat.

Menurut beliau, KKM berhasrat memasang sistem pendingin hawa di wad sedia

“**HKL kini menggunakan teknologi robotik dalam kaedah rawatan dan pembedahan invasif, meningkatkan ketepatan dan mengurangkan komplikasi.**”

HARIKRISHNA K.R. NAIR

ada dengan pemasangan akan didahului dengan kerja mekanikal dan elektrik agar dapat menampung pemasangan pendingin hawa.

“Dalam masa sama, kerja pemasangan kipas dan memperbanyakkan bukaan tingkap akan dibuat bagi memastikan pengudaraan di wad lebih efisien untuk keselesaan pesakit dan petugas kesihatan,” kata beliau.

Mengulas lanjut, Dr. Harikrishna berkata, HKL akan terus menjalankan inovasi dalam sistem dan peralatan perubatan untuk memenuhi keperluan semasa.

“HKL kini menggunakan teknologi robotik dalam kaedah rawatan dan pembedahan invasif, meningkatkan ketepatan dan mengurangkan komplikasi.

“Inisiatif ini setaraf dengan sistem perubatan antarabangsa dan mampu memberikan penjagaan pesakit yang lebih berkesan, selamat dan berorientasikan pesakit,” katanya.

Tambahnya lagi, HKL kini dalam proses pendigitalan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan, kecekapan rawatan, dan penggunaan teknologi terkini.

Menurut beliau, agenda ini dilihat penting untuk menjadikan HKL sebagai institusi rujukan kesihatan negara yang setaraf dengan pusat-pusat kesihatan antarabangsa.

“HKL juga sedang berusaha mendapatkan Hospital Information System (HIS) iaitu sistem pengurusan rekod pesakit secara digital yang akan memastikan rawatan lebih sistematik dan efektif dengan data pesakit yang dapat diakses secara cepat dan selamat oleh kakitangan perubatan.

“Selain itu, HKL turut menjalin kolaborasi strategik dengan universiti tempatan dan pusat penyelidikan bagi mempercepatkan pembangunan sistem dan teknologi perubatan yang memenuhi keperluan semasa,” katanya.



HARIKRISHNA  
K.R. NAIR



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Pertama kali KKM lulus ubat tradisional moden

**PETALING JAYA:** Kementerian Kesihatan (KKM) meluluskan pendaftaran terhadap produk kesihatan semula jadi atau ubat tradisional yang memenuhi tuntutan moden yang ditetapkan.

Tuntutan moden yang dimaksudkan adalah pembuktian saintifik untuk meningkatkan kesihatan, mengurangkan risiko penyakit atau membantu merawat simptom penyakit yang boleh sembuh secara sendirinya dalam jangka masa tertentu.

KKM dalam kenyataan dikeluarkan berkata, persetujuan itu diperoleh hasil Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke-401 pada 3 Oktober lalu.

Tambahnya, bukti saintifik untuk menyokong tuntutan itu perlu menunjukkan hubungan antara formulasi produk dan kesan terhadap kesihatan.

"Dalam mesyuarat PBKD kali ini, laporan penuh penilaian produk telah dibentangkan dan mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan pendaftaran produk semula jadi Nova Hepar-P Capsule dengan indikasi menyokong kesihatan hati.

"Pengilang dan pemegang pendaftaran produk adalah Nova Laboratories Sdn. Bhd. Ia mengandungi bahan aktif ekstrak dukung anak (*aerial Phyl-*

*lanthus niruri*, empat peratus *Corilagin* dan 18 peratus *Phyllanthus Flavonoids*) dan indikasi ini telah dibenarkan berdasarkan data kajian klinikal tempatan.

"Berdasarkan kajian keracunan yang dijalankan terhadap bahan aktif tersebut serta sejarah penggunaan produk ini selama lebih 20 tahun, produk ini juga dilaporkan selamat untuk digunakan," katanya dalam kenyataan semalam.

KKM berkata, pendaftaran produk semula jadi atau ubat tradisional di Malaysia telah dimulakan sejak tahun 1992.

Produk semula jadi pada awalnya dibenarkan bagi kegunaan tradisional seperti untuk penjagaan kesihatan secara umum atau melegakan gejala-gejala ringan berdasarkan maklumat kegunaan secara tradisi bagi produk tersebut.

Pada Jun 2020, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRF) telah mengeluarkan garis panduan khusus bagi membolehkan pihak industri mendaftarkan produk semula jadi untuk tujuan rawatan apabila terdapat bukti klinikal keberkesanan dan keselamatan produk.

Nombor pendaftaran MAL produk tradisional diakhiri dengan huruf "M" contohnya MAL12345678M.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 36  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Banjir: Jabatan Kesihatan Terengganu sedia digerakkan

**KUALA NERUS:** Seramai 796 petugas Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu bersedia untuk membantu mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) di seluruh negeri jika berlaku bah.

Pengarahnya, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, daripada jumlah itu, seramai 380 petugas akan mengendalikan aktiviti pencegahan di samping kawalan penyakit sebelum, semasa dan selepas banjir di PPS serta di kawasan terjejas banjir.

Menurut beliau, setiap pasukan kesihatan itu terdiri daripada tiga petugas iaitu penolong pegawai kesihatan persekitaran, pembantu kesihatan awam dan pemandu.

"Selain itu, seramai 416 petugas lagi akan memberikan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan, rawatan dan rujukan jika berlaku sebarang kejadian kecemasan di PPS.

"Mereka terdiri daripada pegawai perubatan, pembantu pegawai perubatan, jururawat terlatih, jururawat masyarakat dan pemandu yang sentiasa bersedia sedia apabila diarah-

kan dan apabila mengetahui ada PPS yang diaktifkan," katanya selepas merasmikan Program 'Major Incidence Response Exercise' (MIREX) peringkat kebangsaan 2024, di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, perkhidmatan diberikan mesti secara cepat, cekap, teratur dan berkesan dengan memberi keutamaan kepada perkhidmatan yang berkualiti melalui konsep penilaian risiko.

Katanya, semua petugas akan cuba memastikan semua mangsa banjir berada dalam keadaan yang sihat dan bebas daripada penyakit berjangkit berkaitan dengan banjir.

"Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu akan memastikan kesiapsiagaan menghadapi banjir di semua daerah dilakukan dengan teliti dan menyeluruh.

"Walaupun kes Covid-19 di Terengganu telah menunjukkan trend penurunan ketara dan sekarang kita berada di dalam fasa hidup bersama Covid-19, tetapi langkah-langkah pencegahan sentiasa dititikberatkan bagi membendung penerangan di PPS," kata beliau.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : VIEWS

## Strategies to promote mental well-being at work

OCTOBER 10 has been observed as World Mental Health Day since 1992. The theme for this year, "It is Time to Prioritise Mental Health in the Workplace", is especially relevant given that the number of workers in Malaysia in the first quarter of 2024 was 16.96 million, according to the Department of Statistics Malaysia (DOSM).

Mental wellness correlates with productivity. Data from the World Health Organisation (WHO) indicates that mental health issues result in the loss of 12 billion working days and US\$1 trillion annually.

According to a March 2023 study conducted by Remote, a global human resource services company, Malaysia was ranked second worst in terms of work-life balance among 50 countries.

As such, it is crucial that we pay attention to our mental health in the workplace.

Some of the benefits of promoting good mental health at the workplace are:

- > Better focus, which results in better quality work;
- > Less absenteeism, more motivation, and commitment;
- > Improved teamwork, team dynamics, and communication among employees, all of which contribute to a harmonious working atmosphere. It also creates a sense of belonging;
- > A greater rate of staff retention, which lowers the cost of hiring and training; and
- > Lower healthcare costs, as poor mental health can affect an employee's physical condition.

Strategies to maintain good mental health among employees include:

1. Enabling managers to attend workshops to gain knowledge on how to recognise symptoms of mental ill health, and offering emotional support through active listening.
2. Encouraging employees to reach out and talk about their mental health struggles by promising confidentiality.
3. Allocating a specific budget for carrying out initiatives to improve mental well-being in the workplace. Create policies prioritising mental health in aspects such as working hours, workload, workplace environment, and equal opportunities. Make sure that the policies are implemented and enforced.
4. Allowing flexible working arrangements based on suitability. This will enable employees to maintain a better work-life balance.

For free and confidential emotional support, you can contact Befrienders KL at 03-76272929 (24 hours) or sam@befrienders.org.my. There is also Talian HEAL by the Health Ministry at 15555 (8am till midnight).

TAN SRI LEE LAM THYE  
Patron  
Befrienders KL

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NATIONAL

WEDNESDAY | OCT 9, 2024

NATIONAL 3

# Expert calls for action on vapes disguised as stationery

BY QIRANA NABILLA  
MOHD RASHIDI  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** A public health specialist has urged authorities to tackle the issue of vape designs that are intentionally made to look like stationery, such as marker pens, UHU glue and 2B pencils, which could pose a danger to school students.

Typically, students purchase these stickers online and use them to cover their vape products, disguising their true nature.

Each of these "stationery" stickers are priced between RM13 and RM18.

Universiti Kebangsaan Malaysia public health medicine specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said such designs would increase the likelihood of more students bringing vapes to school.

"This is highly unethical since the vapes are now disguised with stickers of stationery items, allowing students to conceal them and secretly bring them to school, adding another layer of deception, and making it harder for parents and teachers to detect them.

▶ Deceptive designs resembling school supplies complicate efforts to prevent underage vaping, warns public health specialist

"The use of stickers to disguise vapes presents a new and concerning tactic aimed at helping students to use vapes in schools," she said.

Sharifa Ezat added that these vendors operate illegally, preying on young people by making vapes more accessible and attractive to them, further complicating efforts to regulate and control underage vaping.

"The products typically come from the illicit market and are also sold online, lacking proper labelling - including nicotine content and strength - as well as toxicology reports or safety profiles.

"With minimal regulation on these platforms, it becomes easier for underage buyers to purchase them without proper age verification. The anonymity of

online transactions also allows vendors to evade detection and reach out to vulnerable groups such as school students."

Sharifa Ezat said legal local vape manufacturers do not produce these deceptive products, but some vendors may exploit the situation by acting as middlemen, importing and marketing them to young people.

She said such irresponsible behaviour is not only unethical but also illegal and these vendors should face strict enforcement measures, including imprisonment.

"To effectively combat this issue, it ties into the government's budget priorities and their focus on strengthening enforcement activities, including increasing manpower, providing specialised training for enforcement officers

and ensuring sufficient budget allocation to support these efforts.

"This shortage limits their ability to thoroughly monitor and regulate the growing vape market, especially with the rise of illicit products targeting youths. Strengthening regulations would allow for more consistent enforcement and better protection of public health, particularly in shielding vulnerable groups such as students from harmful and unregulated products."

Sharifa Ezat stressed the importance of conducting spot checks at schools to help identify and prevent students from secretly using vapes, especially those disguised as everyday items.

She said the deceptive tactic of disguising vapes as everyday items takes advantage of school environments, where traditional monitoring methods are typically focused towards detecting more obvious vaping devices.

"Teachers and school staff may overlook these disguised vapes, allowing students to secretly use them without raising suspicion and making it harder to enforce existing regulations effectively within school setting," she said.

She also emphasised the need for collaboration among schools, parents, societies and NGOs to raise awareness about the harmful effects of underage vaping, particularly when it involves unregulated and illicit products.

"Sustained medical education programmes targeting young people, which would highlight the health risks associated with vaping, would strongly discourage them from starting in the first place.

"Educating youths about the long-term effects of using unsafe vape products is critical to curbing the rise of underage vaping."

Sharifa Ezat said since the products bypass safety regulations, they may contain hazardous materials, including harmful chemicals, synthetic drugs or contaminants that pose serious health risks to users, especially among school students.

"Without proper oversight, these vapes can easily flood the market, exposing youths to severe health issues, such as respiratory problems, addiction, and potential drug dependence."



Photo of a stationery sticker sold online, which is being used to camouflage vapes. - ADAM AMIR HAMZAH/THESUN